

**Pertambahan Kuantiti Tidak Bermakna Jika Kualiti Pengamal Undang-undang
Semakin Diperkatakan - Raja Dr Nazrin
Bernama
22 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Pertambahan dari segi kuantiti pengamal undang-undang di negara ini tidak bermakna sekiranya kualiti mereka semakin banyak diperkatakan, titah Raja Muda Perak Raja Dr Nazrin Shah.

Baginda bertitah, sekiranya pengamal undang-undang gagal menangani cabaran, dugaan dan godaan secara bijak, reputasi mereka bukan sahaja boleh tercemar secara peribadi malah turut membawa aib terhadap profesion tersebut.

"Saudara saudari wajar mengambil iktibar akan kes salah laku yang melibatkan profesion peguam yang pernah berlaku. Amalkan segala nilai murni, etika dan peradaban yang telah diajar dan dipelajari selama ini.

"Etika amalan guaman berhubung perilaku dan ketrampilan seseorang peguam perlu dihayati, dipatuhi dan diamalkan sepenuhnya, tidak sekadar dihafal bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan bagi memperolehi sekeping ijazah," titah baginda pada Majlis Konvokesyen Ke-17 Peperiksaan Sijil Amalan Guaman Tahun 2011 di Dewan Tun Dr Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari Khamis.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654302>